# AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
# (AKTA 171)

## UNDANG-UNDANG KECIL
## PENGENDALIAN MAKANAN
## (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1979

## P.U.(A) 327/79

---

SENARAI PINDAAN :

| BIL. | NO. P.U.(A)<br>NO. P.U.(B) | TARIKH DIWARTAKAN | CATITAN |
|---|---|---|---|
| 1 | P.U.(A) 95/91 | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| 6 | | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |

BAHAGIAN GUBALAN DAN NASIHAT
JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

P.U. (A) 327.

# AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

## UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1979

## SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL


Undang-undang Kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Bekalan air.
4. Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.
5. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dsb.
6. Penjualan makanan yang kotor dilarang.
7. Kebersihan pengendali makanan.
8. Orang-orang yang dilarang mengendali makanan.
9. Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih.
10. Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan.
11. Bekas simpanan yang dilarang.
12. Kecemaran makanan.
13. Persediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah.
14. Alat-alat.
15. Pengendalian makanan.
16. Pengangkutan makanan.
17. Pemeriksaan perubatan.

# AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

## UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1979

*Akta 171.*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mensahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan) 1979** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"Datuk Bandar" ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur;

"jualan" atau "jual" termasuklah batter dan pertukaran, dan juga termasuk tawaran atau percubaan untuk menjual atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, atau didedah bagi jualan, atau menerima atau menghantar atau penyerahan bagi jualan, atau membekal apa-apa makanan di mana balasan akan diterima oleh pembekal bagi pembekalan sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian dari perkhidmatan yang dikontrakkan, atau ada dalam miliknya untuk jualan, atau ada dalam miliknya apa-apa makanan yang ia ketahui bahawa makanan itu berkemungkinan akan dijual atau ditawar atau didedah untuk jualan, dan berkaitan hanya dengan jualan bagi penggunaan atau pemakaian manusia;

"makanan" termasuklah tiap-tiap satu benda yang dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang masuk ke dalam atau adalah digunakan di dalam persebatian atau persediaan apa-apa satu benda itu dan termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah perasa, tetapi tidak termasuk—

(*a*) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;

(*b*) binatang atau burung yang hidup; atau

(*c*) fodder atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan;

"persediaan" termasuklah perkilangan, pembungkusan, serahan, pengangkutan, simpanan dan menghidang makanan dan "menyediakan" hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Bekalan air.

3. Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyediakan bagi jualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud mengenai trednya—

(*a*) mana-mana air selain daripada air dari paip yang disambung kepada saluran besar daripada bekalan air awam; atau

(*b*) mana-mana air dari paip atau lain punca di dalam tandas persendirian atau awam atau lain-lain kemudahan.

Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.

4. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi menjual makanan hendaklah pada setiap masa menyenggara tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih.

(2) Ia hendaklah juga menjaga kebersihan mana-mana lebuh, lorong atau kawasan lapang yang hampir sekali di hadapannya, di belakangnya atau di tepi-tepi tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih dan bebas dari himpunan bahan-bahan berbahaya atau mengganggu, atau sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda yang dibuang olehnya.

5. Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi penjualan apa-apa makanan hendaklah menyimpan makanan pada setiap masa makanan dan semua bekas, perkakas, kenderaan, barang-barang, alat, alat-alat tred, kerusi-meja, pasangan, jentera dan lain-lain peralatan yang digunakan bagi atau berhubung dengan makanan itu bersih dan bebas dari kotoran dan habuk, bau busuk, bubuk dan lalat atau lain-lain serangga. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dsb.

6. (1) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang kotor atau mengandungi apa-apa jirim asing kepada jenis makanan itu. Penjualan makanan yang kotor dilarang.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau membungkus untuk dijual apa-apa benda makanan dalam bungkusan yang kotor.

7. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan makanan untuk dijual hendaklah, jika mengambil bahagian sedemikian, menyenggara pakaiannya dan badannya dalam keadaan bersih. Kebersihan pengendali makanan.

(2) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan makanan untuk dijual hendaklah, pada setiap kali sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu, atau selepas menggunakan mana-mana tandas, tempat sulit, bilik kecil, atau lain-lain kemudahan yang sama dan sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu membasuh tangannya sungguh-sungguh dengan sabun dan air bersih.

(3) Tiada seorang boleh meludah, membuang hingus daripada hidung, menghisap atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana lain persediaan atau mengunyah tembakau atau buah pinang semasa bekerja ketika penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan.

(4) Tiada seorang yang mempunyai luka atau pecah kulit di tangan atau jari boleh bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi jualan makanan melainkan luka atau pecah kulit itu dibalut rapi dengan balutan tahan-air.

8. Tiada seorang— Orang-orang yang dilarang mengendali makanan.

(*a*) yang mengidap penyakit yang merebak;

(*b*) yang membawa apa-apa penyakit jangkitan;

(*c*) yang mengidap apa jua keadaan menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau lain-lain penyakit kulit;

(*d*) yang mempunyai sebab mempercayai atau mengsyaki bahawa ia berkemungkinan menyebar organisma yang membiakkan penyakit; atau

(*e*) yang ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit yang merebak,

boleh bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa benda makanan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai makanan atau apa-apa material yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas simpanan bagi makanan.

9. Tiada seorang boleh menggunakan bagi maksud melap atau membersih atau mengilat apa-apa makanan bagi jualan atau apa-apa bungkusan atau alat yang digunakan berhubung dengannya apa-apa kain buruk atau kain lain daripada penyapu habuk atau kain yang wajar disimpan semata-mata bagi maksud itu, dan adalah yang disenggara pada setiap masa dalam keadaan bersih. Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih.

Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan.

10. (1) Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan di dalam mana-mana kandang, jamban, tempat sulit atau bilik air atau di mana apa-apa binatang atau burung dibiarkan berada.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan di mana-mana tempat di mana apa-apa benda, binatang atau burung disimpan, atau apa-apa kerja dijalankan dengan mana benda makanan itu boleh tercemar atau keadaan baik atau kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seorang boleh meletak, menyimpan, membawa, menyibar atau mengguna atau menyebabkan diletak, disimpan, dibawa, disibar atau diguna di mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa racun atau apa-apa jirim yang membahaya atau mengganggu atau apa-apa lain material yang mungkin mencemar keadaan baik makanan itu; tetapi tiada apa-apa di dalam ini boleh menahan penggunaan betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga-serangga atau lain-lain musuh.

Bekas simpanan yang dilarang.

11. (1) Tiada seorang boleh memasuk, membawa atau menyimpan apa-apa benda makanan untuk jualan dalam mana-mana beg, karung atau bekas yang serupa yang mana pada mana-mana masa mengandungi, atau telah digunakan untuk mengisi apa-apa racun atau material yang merbahaya atau mana-mana material yang boleh menyebabkan makanan itu menjadi tidak baik atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia.

(2) Tiada apa-apa peti, bakul atau lain-lain bekas yang kotor boleh digunakan untuk mengisi atau menyedia apa-apa benda makanan bagi jualan.

Kecemaran makanan.

12. (1) Tiada seorang boleh meletakkan hingga tersentuh dengan apa-apa makanan bagi jualan atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan bagi jualan apa-apa plastik, logam atau lain-lain objek, benda atau bahan untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika jualan makanan kecuali objek, benda atau bahan itu diliputi sepenuhnya dalam suatu balutan dibuat dari material yang tidak mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi ingredien yang mungkin diserap oleh, atau ada kemungkinan meresap ke dalam makanan dan tiada seorang boleh meletakkan apa-apa benda atau bahan dalam apa-apa makanan mengikut cara sebagaimana ianya dicampurkan atau disatukan dengan makanan itu.

(2) Tiap-tiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ianya diterima oleh seseorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan lain cara yang berkesan.

(3) Tiada seorang boleh membawa untuk jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual kecuali ianya dibungkus atau diletak di dalam bekas atau lain-lain bungkusan yang sengaja dibentuk bagi menghindar benda makanan itu dari tercemar.

(4) Tiada seorang boleh membawa, meletak atau mendeposit atau dibenarkan membawa, meletak atau mendeposit dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, mana-mana kotoran, benda yang mengganggu atau lain-lain material yang mungkin mencemar keadaan baik atau kebersihan benda makanan yang dibawa di dalamnya.

(5) Tiada seorang boleh mengguna berkaitan dengan penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, apa-apa kertas yang terdapat bahan tulisan atau cetakan di atasnya mengikut apa jua cara di mana makanan itu boleh tersentuh dengan bahan tulisan atau cetakan itu.

(6) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kounter, bar atau lantai kecuali ianya dijaga atau dibungkus supaya terhindar benda makanan itu dari kemungkinan tercemar.

13. Tiada seorang boleh menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau lain-lain kawasan lapang yang tingginya rendah daripada 0.4572 meter atas permukaan tanah bagi premis, jalan atau kawasan lapang itu. Persediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah.

14. (1) Tiada seorang boleh mengguna untuk menghidang makanan bagi jualan apa-apa alat makanan atau minuman yang tidak dibersihkan selepas pemakaian yang terakhir yang mana alat itu telah digunakan sama ada atau tidak alat itu diberi kepada orang yang sama yang sebelum itu menggunakan alat tersebut. Alat-alat.

(2) Tiada seorang boleh mengguna atau terdapat dalam miliknya untuk kegunaan bagi jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa bekas minuman, pinggan, piring atau lain-lain bekas simpanan yang sumbing, pecah atau retak.

15. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah jangan semasa penjualan atau persediaan itu— Pengendalian makanan.

(*a*) mengendali atau membenar pengendalian apa-apa makanan dengan jari-jarinya tetapi hendaklah menggunakan sepit penyeduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi tiap-tiap maksud itu; dengan syarat orang-orang yang tertentu atau kelas orang yang tertentu boleh dikecualikan atas kelulusan bertulis oleh Datuk Bandar;

(*b*) mengguna jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepada semasa menjalankan pembungkusan atau penghidangan itu;

(*c*) mengguna nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;

(*d*) menyapu tangannya ke atas bajunya atau dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;

(*e*) meletak, sehingga menyentuh makanan bagi jualan, apa-apa bahan, material atau benda yang kotor atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut; atau

(*f*) batuk atau bersih berhampiran mana-mana makanan.

(2) Sepit penyeduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi mengendali apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah dibersihkan selalu dan setiap masa bebas dari dicemar.

(3) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan boleh menyentuh dengan mulut apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu.

(4) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual boleh membawa apa-apa alatan atau alat yang digunakan untuk atau

berkaitan dengan jualan atau persediaan itu dengan cara yang boleh menjejaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu dari pencemaran.

Pengangkutan makanan.

16. (1) Tiada seorang boleh mengguna mana-mana kereta, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih bagi membawa atau menghantar apa-apa makanan untuk jualan.

(2) Tiada seorang boleh mengguna apa-apa kereta, pengangkutan atau bekas bagi membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung atau lain-lain benda atau bahan di mana keadaan baik, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran apa-apa makanan bagi jualan yang dibawa atau diisi atau biasa dibawa atau diisi dalam kereta, pengangkutan atau bekas yang boleh atau mungkin terjejas.

Pemeriksaan perubatan.

17. (1) Mana-mana orang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan boleh dikehendaki oleh Datuk Bandar menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk diambil bekerja.

(2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan, yang dilantik sama ada secara am atau khusus oleh Datuk Bandar.

(3) Jika mana-mana orang setelah diperiksa didapati oleh pegawai perubatan atau kesihatan mengidap dari penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau adalah, pada pendapat pegawai perubatan atau kesihatan kemungkinan merupakan punca infeksi, Datuk Bandar hendaklah serta-merta hilangkan kelayakan orang yang diperiksa itu daripada bertugas atau bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan sehingga mana adalah disahkan oleh pegawai perubatan atau kesihatan bahawa ia telah sembuh atau kemungkinan tidak lagi menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang—

(*a*) yang enggan menjalani pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan; atau

(*b*) yang mana, setelah diperiksa dan hilang kelayakan,

meneruskan tugas di mana-mana tempat yang diguna bagi menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa benda makanan, hendaklah bersalah atas suatu kesalahan terhadap undang-undang kecil ini.

(5) Pemunya, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang diguna bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa benda makanan, yang mana, setelah diberitahu dengan bertulis oleh Datuk Bandar bahawa seseorang yang bertugas bagi jualan makanan telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau, setelah diperiksa, hilang kelayakan dari bertugas, memberi permit kepada orang itu meneruskan tugas di dalamnya atau tinggal di dalam kawasan hendaklah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Diperbuat pada 13hb Julai 1979.

TAN SRI YAACOB BIN ABDUL LATIFF,
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan pada 14hb Disember 1979.
[KWP. 353/42/5; PN. (PU²) 328/6.]

DATUK HUSSEIN BIN ONN,
*Menteri Wilayah Persekutuan*

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## FOOD HANDLERS (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1979

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-law

1. Citation and application.

2. Interpretation.

3. Water supply.

4. Cleanliness of places used for the preparation and sale of food.

5. Food to be kept away from dust, etc.

6. Selling of unclean food prohibited.

7. Cleanliness of food handlers.

8. Persons prohibited from handling food.

9. Proper use of cloth for cleaning purposes.

10. Places prohibited for preparation and sale of food.

11. Prohibited containers.

12. Contamination of food.

13. Preparation and sale of food above ground level.

14. Utensils.

15. Handling of food.

16. Carriage of food.

17. Medical examination.

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## FOOD HANDLERS (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1979

*Act 171.*

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and application.

1. These by-laws may be cited as the **Food Handlers (Federal Territory) By-laws 1979** and shall apply only to the Federal Territory.

Interpretation.

2. In these by-laws, unless the context otherwise requires—

"Commissioner" means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur;

"food" includes every article which is used for food or drink by man or which enters into or is used in the composition or preparation of any such article and also includes colouring and flavouring matters and condiments, but does not include—

(*a*) articles or substances used only as drugs;

(*b*) live animals or birds; or

(*c*) fodder or feeding stuffs for animals, birds or fish;

"preparation" includes manufacture, packing, delivery, carriage, storage and serving of food and "prepare" shall be construed accordingly;

"sale" or "sell" includes barter and exchange, and also includes offering or attempting to sell or causing or allowing to be sold, or exposing for sale, or receiving or sending or delivering for sale, or supplying any food where consideration is to be received by the supplier for such supply either specifically or as part of a service contracted for, or having in possession for sale, or having in possession any food knowing that the same is likely to be sold or offered or exposed for sale, and refers only to sale for human consumption or use.

Water supply.

3. No person who is engaged in the sale or preparation for sale of food shall use for any purpose pertaining to his trade—

(*a*) any water other than water from a tap connected to the water mains from the public water supply; or

(*b*) any water from a tap or other source within a private or public lavatory or convenience.

Cleanliness of places used for the preparation and sale of food.

4. (1) Every person who is engaged in the sale or preparation for sale of food shall at all times maintain the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness.

(2) He shall also keep any avenue, passage or space immediately infront of, behind or by the sides of the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness and free of any accumulation of noxious or offensive matter, or garbage, refuse or other matter or thing discarded by him.

5. Every person who is engaged in the sale or preparation for sale of any food shall keep at all times such food and all receptacles, implements, vehicles, articles, utensils, tolls of trade, benches, fittings, machinery, and other appliances used for or in connection with such food clean and free from dirt and dust, foul odours, vermin and flies or other insects. Food to be kept away from dust, etc.

6. (1) No person shall sell any article of food which is not clean or which contains any matter foreign to the nature of such food. Selling of unclean food prohibited.

(2) No person shall sell or pack for sale any article of food in a package which is not clean.

7. (1) Every person engaged in the sale or preparation for sale of food shall, when so engaged, maintain his clothing and his body in a state of cleanliness. Cleanliness of food handlers.

(2) Every person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall, upon every occasion before commencing such sale or preparation, or after visiting any urinal, privy, closet, or other similar convenience and before resuming such sale or preparation wash his hands thoroughly with soap and clean water.

(3) No person shall spit, expel mucous from the nose, smoke or use tobacco or snuff or any other preparation or chew tobacco or betel nuts while engaged in the sale or preparation for sale of any food.

(4) No person having cuts or skin abrasions of the hands or fingers shall engage in the sale or preparation for sale of food unless such cuts or skin abrasions are properly dressed with water-proof dressings.

8. No person— Persons prohibited from handling food.

(*a*) who is suffering from a communicable disease;

(*b*) who is a carrier of any infectious disease;

(*c*) who is suffering from any condition causing a discharge of pus or serum from any part of the body or other skin ailment;

(*d*) who has reason to believe or suspect that he is likely to transmit disease-producing organisms; or

(*e*) who is in contact with any person suffering from a communicable disease,

shall engage in the sale or preparation for sale of any article of food or of any article used or likely to be used as a food or of any material used or likely to be used as a wrapper or container for food.

9. No person shall use for the purpose of wiping or cleaning or polishing any food for sale or any packing or utensils used in connection therewith any rag or cloth other than a proper duster or cloth kept solely for the purpose, and which is maintained at all times in a clean condition. Proper use of cloth for cleaning purposes.

10. (1) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any stable, urinal, privy or water closet or in any place which is at any time used for sleeping, or which is in direct communication with a sleeping apartment or with any stable, urinal, privy or water closet or in any place where any animal or bird is allowed to be. Places prohibited for preparation and sale of food.

(2) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any place in which any thing, animal or bird is kept, or any work is carried on whereby such article of food is liable to be contaminated or its wholesomeness or cleanliness adversely affected.

(3) No person shall place, keep, carry, spread or use or suffer to be placed, kept, carried, spread or used in any place used for the sale or preparation for sale of any food, any poison or any noxious or offensive matter or any other material which might contaminate the wholesomeness of the food; but nothing herein shall prevent the proper use of spraying mixtures containing poisons for the purpose of controlling the attack of insects or other pests.

Prohibited containers.

11. (1) No person shall enclose, carry or store any article of food for sale in any bag, sack or similar receptacle which has at any time contained, or has been used for the conveyance of any poison or harmful material, or any material which may render such food unsound or unfit for human consumption.

(2) No unclean case, basket, or other receptacle shall be used for containing or preparing any article of food for sale.

Contamination of food.

12. (1) No person shall place in contact with any food for sale or in any package containing food for sale any plastic, metallic or other object, or other article or thing to be sold or given to the purchaser on the sale of the food unless such object, article or thing is completely enclosed in a wrapper made of material which will not contaminate the food and which contains no ingredient which might be absorbed by, or is likely to pass into the food and no person shall place any such article or thing in any food in such a manner as to be mixed in or enclosed by the food.

(2) Every person who sells any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall protect such food, until it is delivered to a purchaser, by storage in covered receptacles or by other effectual means.

(3) No person shall carry for sale any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, unless it is so enclosed or contained in a receptacle or other packing so constructed as to prevent such article of food from being contaminated.

(4) No person shall carry, place or deposit or allow to be carried, placed or deposited in any vehicle used for the carriage of any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any dirt, offensive matter or other material which might contaminate the wholesomeness or cleanliness of the article of food carried therein.

(5) No person shall use in connection with the sale or preparation for sale of any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any paper with writing or printed matter thereon in any manner whereby such food can come in contact with such writing or printed matter.

(6) No person shall sell any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, which has been dropped, placed or stored on any counter, bar or floor unless it is protected or is so wrapped as to protect such article of food from likely contamination.

Preparation and sale of food above ground level.

13. No person shall sell or prepare for sale any food in any premises, street, or other open space at a level lower than 0.4572 meters above the ground level of such premises, street or open space.

Utensils.

14. (1) No person shall use for the serving of food for sale any eating or drinking utensil which has not been cleaned after the last occasion on which such utensil was used whether or not such utensil is given to the same person who had previously used the utensil.

(2) No person shall use or have in his possession for use for the sale or preparation for sale of any food, any drinking vessel, plate, saucer or other container which is chipped, broken or cracked.

Handling of food.

15. (1) Every person who sells or prepares for sale any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall not during such sale or preparation—

(*a*) handle or permit to be handled any such food with his fingers, but shall use a scoop tongs or other suitable implement for every such purpose; provided that certain person or class of persons may be exempted upon written approval by the Commissioner;

(*b*) apply his fingers to his mouth, eye, ear, nose, or scalp during the performances of such packing or serving;

(*c*) use his breath to open any bag or wrapper;

(*d*) wipe his hands upon his clothing or by any means other than with a clean towel or cloth;

(*e*) place, so that it can come into contact with food for sale, any substance, material or article which is unclean or liable to contaminate such food, or which has been in contact with the mouth; or

(*f*) cough or sneeze near any food.

(2) The scoop tongs or other suitable implement used for the handling of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall be regularly cleaned and free from contamination at all time.

(3) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall apply to the mouth any appliance used for or in connection with such sale or preparation.

(4) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall carry any appliance or utensil used for or in connection with such sale or preparation in such a manner as to endanger the wholesomeness, cleanliness or freedom from contamination of such food.

Carriage of food.

16. (1) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle which is not clean for the carriage or delivery of any food for sale.

(2) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle for the carriage or containing of any animal, bird or other matter or thing whereby the wholesomeness, cleanliness or freedom from contamination of any food for sale carried or contained or usually carried or contained in such vehicle, conveyance or receptacle would or might be endangered.

Medical examination.

17. (1) Any person engaged in the sale or preparation for sale of any article of food may be required by the Commissioner to undergo a medical examination as to his or her fitness to be so engaged.

(2) Such examination shall be carried out by a medical or health officer, appointed either generally or specially by the Commissioner.

(3) If any person so examined is found by the medical or health officer to be suffering from a contagious or infectious disease or any disease of the skin which is offensive or is, in the opinion of the medical or health officer, likely to be a source of infection, the Commissioner shall forthwith disqualify the person examined from working or engaging in any place used for the sale or preparation for sale of any food, until such time as it is certified by the medical or health officer that he has been cured or is not longer likely to be a source of infection.

(4) Any person—

(*a*) who refuses to submit to a medical examination on being requested to do so; or

(*b*) who, having been medically examined and is disqualified,

continues to work in any place used for the sale or preparation for sale of any article of food, shall be guilty of an offence against these by-laws.

(5) The owner, licensee, occupier or keeper of any place used for the sale or preparation for sale of any article of food, who, having been notified in writing by the Commissioner that a person working in such place used for the sale or preparation for sale of food has refused to submit to a medical examination or, having been examined, has been disqualified from working, permits such person to continue to work therein or to remain within the precincts thereof shall be guilty of an offence under these by-laws.

Made the 13th July 1979.

TAN SRI YAACOB BIN ABDUL LATIFF,
*The Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed the 14th December 1979.
[KWP. 353/42/5; PN. (PU²) 328/6.]

DATUK HUSSEIN BIN ONN,
*Minister of Federal Territory*

P.U.(A) 95/91

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 35
No. 3

**7hb Februari 1991**

*TAMBAHAN No. 7*
*PERUNDANGAN (B)*

**P.U. (B) 95.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan Undang-Undang Kecil berikut: *Akta 171.*

Nama dan pemakaian.

1. Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 1991** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pindaan undang-undang kecil 7. *P.U. (A) 327/79.*

2. Undang-Undang kecil 7 Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan) 1979, yang disebut "Undang-Undang kecil ibu" dalam undang-undang kecil ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "bersih" yang terdapat dalam perenggan (1) perkataan-perkataan "dan hendaklah memakai apron dan penutup kepala yang bersih semasa menjual dan menyediakan makanan".

Pindaan undang-undang kecil 17.

3. Undang-Undang kecil 17 Undang-Undang kecil ibu adalah dipinda—

*(a)* dengan menggantikan perenggan (1) dengan yang baru berikut:

"(1) Mana-mana orang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan boleh dikehendakki oleh Datuk Bandar—

*(a)* menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk diambil bekerja; dan

*(b)* mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit."; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "pemeriksaan" dalam perenggan (2) perkataan-perkataan "dan suntikan".

Diperbuat pada 19hb Disember 1990.
[PHEU2./15/76; PN. (PU²) 328/6.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan pada 6hb Januari 1991.

DR MAHATHIR MOHAMAD,
*Perdana Menteri*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### FOOD HANDLERS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 1991

*Act 171.*

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and application.

1. These by-laws may be cited as the **Food Handlers (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 1991** and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Amendment of by-law 7. *P.U. (A) 327/79.*

2. By-law 7 of the Food Handlers (Federal Territory) By-Laws 1979, which in these by-laws are referred to as the "principal By-laws" is amended by inserting immediately after the word "cleanliness" appearing in paragraph (1) the words "and shall wear a clean apron and head gear when engaged in the sale and preparation of food".

3. By-law 17 of the principal by-laws is amended— Amendment of by-law 17.

(a) by substituting for paragraph (1) the following new paragraph:

"(1) Any person engaged in the sale or preparation for sale of any article of food may be required by the Commissioner—

(a) to undergo a medical examination as to his or her fitness to be so engaged; and

(b) to be innoculated against any infectious disease. "; and

(b) by inserting immediately after the word "examination" appearing in paragraph (2) the words "and innoculation".

Made the 19th December 1990.
[PHEU2./15/76; PN. (PU$^2$) 328/6.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed the 6th January 1991.

DR MAHATHIR MOHAMAD,
*Prime Minister*